

04 AUG 2003

Pekerja-New Zealand

RAKYAT M'SIA YG DIBOGELKAN DI NEW ZEALAND HANTAR SURAT KE WISMA PUTRA

MELAKA, 4 Ogos (Bernama) -- Tiga rakyat Malaysia yang mendakwa mereka dibogelkan ketika pemeriksaan ketat oleh pihak berkuasa New Zealand pada 19 Julai lepas sewaktu melawat negara itu, telah menghantar surat ke Wisma Putra hari ini.

Liew Eng Teck yang mewakili dua lagi rakannya, Tan Teck Hing dan How Ah Wan berkata mereka telah menghantar surat berkenaan melalui faksimili kepada Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan mendakwa kejadian seumpama itu tidak sepatutnya berlaku.

"Kami juga merasa terharu di atas keprihatinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas kejadian yang menimpa kami. Bagaimanapun kita mengharapkan kerajaan New Zealand membuat permohonan maaf secara terbuka di atas kejadian berkenaan," katanya pada satu sidang media di sini, hari ini.

Liew dari Rumah Pangsa Taman Asean, Malim; Tan dari No 24, Jalan Bayan 6, Taman Bukit Katil dan How dari No. 24, Jalan Seri Duyong, Duyong mendakwa menjalani pemeriksaan ketat, termasuk diminta berbogel ketika di negara berkenaan.

Kesemua mereka yang bekerja sebagai tukang masak di sebuah restoran di sini, berhasrat melancong ke New Zealand selama 10 hari dan membeli tiket penerbangan pergi balik.

Liew berkata mereka yang tiba berasingan di Lapangan Terbang Antarabangsa Auckland pada 19 Julai lepas, diperiksa dan menjalani beberapa temuduga oleh pegawai Imigresen yang meragui tujuan mereka ke sana.

Menurutnya mereka kemudian dihantar pulang ke Malaysia pada pagi berikutnya iaitu 20 Julai selepas ditempatkan di lokap negara berkenaan semalaman.

Beliau berkata mereka kecewa dengan tindakan pihak imigresen, kastam dan polis negara itu yang meminta mereka berbogel, mengambil cap jari kelima-lima batang jari, menempatkan mereka di dalam lokap dan diberi makanan dan minuman selepas meminta berulang kali.

Semalam, Dr Mahathir menyuarakan rasa sedihnya di atas kejadian itu dan menyatakan rakyat Malaysia tidak sepatutnya diperlakukan begitu kerana kebanyakan rakyat negara ini merupakan mereka yang bertanggungjawab.

Syed Hamid dalam reaksinya berkata kerajaan akan menyiasat dakwaan itu dan jika benar, ia melangagr hak asasi manusia dan tata susila masyarakat di dunia.

-- BERNAMA

SBS LAT